



FEN FINANCIAL
EDUCATION
NETWORK

Bijak Wang Pilihan Saya

MALAYSIA

Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan

2019-2023



KANDUNGAN

Perutusan Perdana Menteri	3
Kata Alu-Aluan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan	4
Kepentingan Literasi Kewangan	5
Strategi Kebangsaan	10
- Visi dan Objektif	
- Hasil Strategik dan Prinsip yang Menjadi Panduan	
- Pendekatan	
- Mencapai Objektif	
Hala Tuju Lima Tahun	14
- Strategi Utama 1 Menyemai nilai murni sejak usia muda	
- Strategi Utama 2 Meningkatkan akses orang ramai kepada maklumat, alat kewangan serta sumber berkaitan pengurusan kewangan	
- Strategi Utama 3 Memupuk tabiat kewangan yang positif dalam kalangan kumpulan sasaran	
- Strategi Utama 4 Memperkasa amalan perancangan kewangan jangka panjang dan persaraan	
- Strategi Utama 5 Mengumpul dan melindungi harta	
Bagaimana Anda Boleh Menyumbang	26
Kenali Kami	28
Inisiatif Semasa FEN	30
Ahli FEN	34
Hubungi Kami	35

Perutusan Perdana Menteri



Kesederhanaan dalam kehidupan dan sentiasa mengukur baju di badan sendiri merupakan elemen penting dalam menjalani hidup yang sejahtera, produktif dan sempurna. Walau bagaimanapun, kajian terkini yang dijalankan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* dan Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah serta lebih cenderung untuk mengurus keperluan semasa tanpa berpandangan jauh dalam mengurus kewangan peribadi.

Ramai di kalangan rakyat Malaysia bergelut dalam menguruskan kewangan sehingga memberi impak kepada mereka yang menghadapi isu kewangan di luar jangkaan. Ada di antara mereka yang dibuang kerja, menghadapi penyakit yang berpanjangan atau terpaksa menanggung bil yang besar. Memandangkan produk kewangan dan pelaburan kini semakin kompleks dan pelbagai, individu perlu menanggung risiko dan mengambil tanggungjawab yang lebih besar terhadap sebarang keputusan yang dibuat. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh individu tetapi turut dirasai oleh masyarakat seluruhnya.


Kerana itu, saya menerima baik pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 (Strategi Kebangsaan), yang menetapkan matlamat untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dan memupuk tabiat dan sikap yang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan. Kerajaan berharap agar rakyat Malaysia dapat menjalani hidup yang lebih sejahtera dan menyumbang secara produktif kepada pembangunan ekonomi yang berdaya tahan dan inklusif.

Strategi Kebangsaan ini menyokong aspirasi kerajaan dalam aspek "kemakmuran bersama" yang mahu memastikan rakyat Malaysia diperkasa dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keyakinan yang mantap dalam membuat keputusan kewangan. Dalam hal ini, akses kepada pendidikan kewangan adalah penting kepada seluruh rakyat Malaysia pada semua peringkat umur dan tahap kehidupan, dan usaha ini hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama yang erat daripada pelbagai pihak.

Tahniah diucapkan kepada Jaringan Pendidikan Kewangan atas penggubalan dan pelancaran Strategi Kebangsaan yang tepat pada masanya. Usaha meningkatkan tahap literasi kewangan merupakan tanggungjawab jangka panjang yang memerlukan komitmen yang berterusan daripada pelbagai pihak.

Inisiatif meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia merupakan elemen penting dalam merealisasikan potensi sebenar kita.

Saya yakin kita akan memperoleh manfaat sepenuhnya daripada pelaksanaan Strategi Kebangsaan ini nanti.



Dr Mahathir bin Mohamad
20 Julai 2019

Kata Alu-Aluan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan



U^{saha meningkatkan literasi kewangan merupakan perkara utama untuk memperkasakan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan demi mempertingkatkan kesejahteraan kewangan mereka. Keupayaan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian bagi memastikan kita mampu memenuhi keperluan kewangan semasa dan akan datang. Rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat perlu dibekalkan dengan pengetahuan kewangan supaya mereka mampu menguruskan simpanan dan perbelanjaan, melabur dengan bijak dan meminjam secara bertanggungjawab sejajar dengan matlamat dan keadaan kewangan mereka, termasuklah bagi tujuan persaraan.}

Mempertingkatkan literasi kewangan dalam segenap lapisan masyarakat memerlukan pendekatan yang sistematik, mampan dan terselaras dengan fokus untuk mewujudkan perubahan tabiat jangka panjang. Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 (Strategi Kebangsaan) telah mengenal pasti perkara-perkara utama dalam mencapai hasrat ini, dan

berfungsi bagi menyelaraskan dan memanfaatkan sinergi dalam pelbagai inisiatif dengan matlamat utama untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Menguasai prinsip kewangan asas dan memahami hubungan antara pulangan dan risiko merupakan kemahiran asas kehidupan yang perlu diberi penekanan.

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ingin merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network atau FEN) yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad, atas sumbangan mereka yang besar dalam mengenal pasti strategi utama dan pelan tindakan di bawah Strategi Kebangsaan. Strategi Kebangsaan ini akan menjadi pelengkap dan seterusnya pemangkin kepada inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi ini dan juga membuka peluang kepada pihak berkepentingan lain untuk turut serta dalam agenda penting ini.

Seruan panggilan untuk bertindak bagi memastikan rakyat Malaysia mampu mengharungi ketidakpastian dan kerumitan kewangan merupakan langkah yang tepat pada masanya. Kita semua memainkan peranan penting dalam menggalakkan literasi kewangan dan keupayaan generasi sekarang dan akan datang. Kami mengalu-alukan anda semua untuk bekerjasama dengan FEN dalam memastikan Strategi Kebangsaan ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan mencapai hasil yang diharapkan.

Nor Shamsiah Yunus
Gabenor
Bank Negara Malaysia

Syed Zaid Albar
Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Kepentingan
Literasi
Kewangan

Kepentingan Literasi Kewangan

Ketika ekonomi negara terus membangun, lebih banyak peluang diwujudkan untuk kita meneruskan matlamat hidup dan mencapai kebebasan kewangan. Keputusan yang perlu dibuat setiap hari tentang pengurusan kewangan - sama ada memilih untuk menyimpan dengan pihak tertentu atau merancang untuk persaraan serta keperluan kewangan yang lain - boleh memberi kesan yang berkekalan terhadap kesejahteraan kita.

Keyakinan dan keupayaan untuk menguruskan kewangan ialah ciri hidup yang sangat diperlukan untuk mencapai dan mengekalkan kualiti kehidupan yang baik. Mereka yang celik kewangan dapat membuat keputusan kewangan

secara bijak pada setiap peringkat kehidupan ke arah peningkatan taraf hidup masing-masing. Keupayaan kewangan membolehkan isi rumah berinteraksi secara bertanggungjawab dengan penyedia perkhidmatan kewangan, seterusnya menyumbang kepada daya tahan kewangan mereka.

Dengan meningkatkan kemampuan, keupayaan dan hasrat rakyat Malaysia untuk menentukan hala tuju kewangan mereka, kita dapat memupuk masyarakat yang lebih berjati diri dalam membina masa depan yang lebih cerah untuk seluruh rakyat Malaysia dan tidak hanya tertumpu kepada sesetengah golongan sahaja.

Keperluan Pendidikan Kewangan untuk Meningkatkan Literasi Kewangan

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan 2018 (*Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey 2018*, FCI 2018) oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan rakyat Malaysia ketika ini boleh ditambah baik. FCI 2018 tersebut mendedahkan beberapa perkara yang membimbangkan tentang rakyat Malaysia, antaranya:

- Tahap pengetahuan kewangan
- Simpanan dan belanjawan
- Kesediaan menghadapi peristiwa yang tidak dijangka dalam kehidupan; dan
- Perancangan untuk persaraan

Hasil kaji selidik *Financial Behaviour and State of Financial Well-Being of Malaysian Working Adults 2018 (AFBES'18)* oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan *Assessment of Capital Markets through Malaysians Investors' Perspective 2018 (ACM 2018)* oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mendapati bahawa pendidikan kewangan memainkan peranan yang penting dalam memperbaiki tabiat masyarakat dalam hal kewangan.

Kesejahteraan kewangan merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk memenuhi tanggungjawab

kewangan semasa dan akan datang, berasa terjamin dengan masa depan kewangan mereka, dan membuat pilihan yang membolehkan mereka menikmati kehidupan.

Kewujudan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin canggih dan boleh diakses melalui saluran digital telah menjadikan literasi kewangan semakin penting. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia perlu memahami produk dan perkhidmatan serta saluran yang digunakan untuk membuat keputusan kewangan yang tepat.

Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 (Strategi Kebangsaan) bertujuan untuk memberi panduan supaya usaha yang dilaksanakan pada masa hadapan dapat memberi impak yang berkesan secara kolektif. Matlamat utama Strategi Kebangsaan ini adalah untuk mempergiatkan lagi pendidikan kewangan dalam meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia, sebagai salah satu prasyarat untuk mengukuhkan kesejahteraan kewangan mereka. Strategi Kebangsaan ini adalah pelan holistik untuk tempoh lima tahun yang menetapkan strategi utama dan pelan tindakan menyeluruh untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang celik kewangan.

Jaringan Pendidikan Kewangan

Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) yang terdiri daripada pelbagai institusi dan agensi kerajaan ditubuhkan sebagai satu platform antara agensi yang komited untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia.

FEN dianggotai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, AKPK, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Permodalan Nasional

Berhad. Kesemua ahli FEN mempunyai dasar dan inisiatif jangka panjang dalam pendidikan kewangan untuk menyokong dan meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia.

Di bawah Strategi Kebangsaan ini, FEN bersama-sama pihak berkepentingan utama yang lain akan menyampai, memantau dan mengukur tahap literasi kewangan rakyat Malaysia.

Bijak Wang Pilihan Saya

Kesejahteraan Kewangan

Menjalani kehidupan yang bermakna, selesa dan stabil, bebas daripada masalah kewangan yang berpanjangan, dan berupaya menghadapi masalah kewangan yang tidak dijangka, keadaan hidup yang berubah dan menghadapi kecemasan tanpa mengalami beban kewangan.



Literasi Kewangan

Kesedaran, ilmu, kemahiran, sikap dan tabiat yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak (*Ruj. OECD*)




Pendidikan Kewangan

Proses untuk meningkatkan pemahaman, membangunkan kemahiran dan keyakinan untuk membuat pilihan kewangan yang bijak dan tahu di mana untuk mendapatkan bantuan (*Ruj. OECD*)




Tahap Semasa Literasi Kewangan di Malaysia


Tahap Pengetahuan Kewangan



- Rakyat Malaysia memiliki tahap keyakinan yang rendah terhadap pengetahuan kewangan mereka sendiri. 1 daripada 3 rakyat Malaysia merasakan mereka mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah.




- Isi rumah yang berpendapatan rendah cenderung untuk memiliki tahap pengetahuan kewangan yang rendah.



- 75% rakyat Malaysia memahami bahawa inflasi bermaksud kos sara hidup akan meningkat, tetapi hanya 38% dapat mengaitkan kesan inflasi kepada kuasa beli mereka sendiri.



- 43% rakyat Malaysia memahami bahawa wang bertambah pada asas kompaun mengikut peredaran masa, sementara 22% percaya bahawa wang bertambah secara malar.




- 92% rakyat Malaysia mempunyai produk deposit. Tidak ramai mempunyai produk pelaburan.

Simpanan dan Belanjaan



- 1 daripada 10 rakyat Malaysia mempercayai bahawa mereka tidak berdisiplin dalam mengurus kewangan mereka.



- 84% rakyat Malaysia mendakwa mereka menyimpan secara tetap hanya untuk jangka masa terdekat, iaitu simpanan tersebut kebiasaannya dikeluarkan pada akhir bulan untuk menampung perbelanjaan harian.



- 76% rakyat Malaysia mempunyai bajet untuk berbelanja, tetapi 2 daripada 5 mendapati sukar untuk mengikutinya.



- 1 daripada 5 orang dewasa Malaysia yang bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh enam bulan sebelumnya.



- 3 daripada 10 orang dewasa Malaysia yang bekerja perlu meminjam wang untuk membeli barangan keperluan asas.

Kesediaan untuk Menghadapi Situasi Luar Jangkaan



- 52% rakyat Malaysia berasa sukar untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan.




- Hanya 24% rakyat Malaysia dapat menampung perbelanjaan sara hidup untuk sekurang-kurangnya 3 bulan atau lebih sekiranya kehilangan sumber pendapatan utama mereka (10% boleh bertahan untuk lebih daripada 6 bulan).




- Hanya 17% rakyat Malaysia mempunyai insurans hayat dan perlindungan takaful.

Merancang untuk Persaraan




- 41% rakyat Malaysia bergantung pada simpanan KWSP mereka sebagai sumber pendapatan utama untuk persaraan.
- Hampir separuh daripada rakyat Malaysia tidak yakin mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk persaraan.
- 16% rakyat Malaysia sangat bimbang tentang perbelanjaan isi rumah pada usia tua mereka.
- 68% daripada ahli KWSP yang aktif tidak mencapai Simpanan Asas yang disyorkan mengikut kumpulan umur.
- Jumlah Simpanan Asas yang disyorkan pada umur 55 tahun ialah RM240,000, yang membolehkan pengeluaran bulanan sebanyak RM1,000 untuk tempoh 20 tahun selepas bersara.
- 6 daripada 10 pekerja Malaysia bekerja sendiri dan tidak tergolong sebagai tenaga kerja dan tidak dilindungi oleh sebarang sistem persaraan atau pencen yang formal.

Kesedaran Tentang Risiko dan Pulangan Pelaburan



- Pelabur didapati mempunyai jangkaan yang tidak realistik terhadap pulangan tahunan daripada pelaburan di dalam produk pasaran modal.



- Persepsi pelabur tentang jumlah kerugian yang sanggup mereka terima menunjukkan kekurangan pengetahuan mereka tentang tahap risiko pelaburan dalam pasaran modal.

Nota kaki: Sumber termasuk FCI 2018, AFBES 2018, ACM 2018, Statistik KWSP. Simpanan Asas akan disemak semula berdasarkan kadar pencen minimum kakitangan sektor awam atau pada setiap tiga tahun mengikut mana yang terdahulu.



Strategi Kebangsaan

Tinjauan Keseluruhan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia

STRATEGI KEBANGSAAN





Visi dan Objektif

Meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Strategi Kebangsaan ini bermatlamat untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia dan menggalakkan tabiat kewangan yang bertanggungjawab serta sikap pengurusan kewangan yang wajar.

Hasil Strategik dan Prinsip yang Menjadi Panduan

Strategi Kebangsaan memberi tumpuan pada usaha memperkasa rakyat Malaysia supaya dapat:

- **Menyimpan, mengurus dan melindungi wang**
- **Merancang dan memastikan masa depan yang mampan**
- **Melindungi diri daripada skim penipuan kewangan**

Prinsip yang menjadi panduan yang perlu diterima pakai dalam melaksanakan Strategi Kebangsaan adalah:

1) Tanggungjawab bersama antara pihak berkepentingan untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia. Kerjasama ini membolehkan usaha mengenal

pasti dan menangani jurang kelemahan dalam pengurusan kewangan serta mengoptimumkan sumber dan mencapai sinergi.

- 2) Pembangunan program pendidikan yang inklusif dan disasarkan untuk rakyat Malaysia pada setiap peringkat kehidupan. Inisiatif literasi ini perlu mengambil kira keperluan kewangan mengikut peringkat kehidupan dengan menasaskan kumpulan yang paling rentan.
- 3) Pelaksanaan inisiatif yang memperkasa dan memberi galakkan kepada rakyat Malaysia untuk bertanggungjawab atas kesejahteraan kewangan mereka sendiri. Prinsip teras yang diterapkan dalam strategi ini adalah setiap individu bertanggungjawab atas diri sendiri.

Pendekatan

Strategi Kebangsaan ini akan menggunakan pendekatan strategik berikut:-

- **Meningkatkan Kerjasama Sektor Awam-Swasta**
Menggalakkan lebih banyak kerjasama antara sektor awam dengan swasta supaya pelaksanaan pelan tindakan bawah Strategi Kebangsaan menjadi lebih berkesan dan mantap.
- **Capaian dan komunikasi yang efektif**
Menggunakan mesej yang mudah dan

konsisten melalui pelbagai saluran, dengan memberi penekanan pada media digital.

- **Mempengaruhi perubahan tabiat**
Menggalakkan amalan terbaik dan melaksanakan dasar yang sesuai untuk merangsang tabiat kewangan yang baik.
- **Meningkatkan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan**
Memastikan rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang sesuai dengan keperluan mereka.

Mencapai Objektif

Strategi Kebangsaan telah mengenal pasti lima Strategi Utama yang relevan untuk pelbagai peringkat kehidupan rakyat Malaysia. Setiap Strategi Utama pula akan didukung oleh Pelan Tindakan yang khusus bagi mengukuhkan pelaksanaan inisiatif pendidikan kewangan yang dikenal pasti.

Satu komponen penting untuk menyokong pelaksanaan setiap Pelan Tindakan ialah strategi komunikasi yang berkesan. Dengan meningkatkan kesedaran dan mempergiat komunikasi mengenai literasi kewangan, rakyat Malaysia akan lebih menyedari keperluan terhadap pendidikan kewangan. Dalam hal ini, kita sedia maklum bahawa kemajuan teknologi boleh dimanfaatkan untuk menyediakan akses yang mudah kepada maklumat pendidikan kewangan bagi rakyat Malaysia. Akhirnya, kesedaran yang jelas dan mampan mengenai pendidikan kewangan akan menyokong usaha meningkatkan tahap literasi kewangan rakyat Malaysia.

Strategi dan inisiatif pendidikan kewangan perlu dinilai secara konsisten oleh ahli

FEN dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan dasar yang digubal adalah efektif dan menepati objektif. Penilaian sedemikian adalah penting untuk mengenal pasti perkara yang memerlukan intervensi, menetapkan dan mengkaji semula sasaran bagi menambah baik dan memberi sokongan yang diperlukan dalam penggunaan sumber secara berkesan. Sepanjang pelaksanaan Strategi Kebangsaan ini, inisiatif pendidikan kewangan akan dipantau dan dinilai secara konsisten untuk memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Hasil dari penilaian tersebut akan dikongsi bersama ahli FEN bagi tujuan merangka amalan terbaik dan melaksanakan penambahbaikan yang difikirkan perlu.

Strategi Kebangsaan ini turut menyokong kerjasama dalam bidang penyelidikan dan perkongsian data. Hasil kajian tersebut akan memandu inisiatif penggubalan dasar pada masa hadapan. Hasil kajian ini juga boleh dikongsi secara terbuka untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu literasi kewangan.



Hala Tuju Lima Tahun

Strategi Utama dan Pelan Tindakan Malaysia



Strategi Utama 1: Menyemai nilai murni sejak usia muda

- Memperluaskan elemen asas pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah dari peringkat prasekolah, sekolah rendah sehingga menengah
- Memperkukuhkan pendidikan kewangan melalui aktiviti kokurikulum
- Memperkenalkan pembangunan keupayaan dan sokongan kepada guru
- Menggalakkan penyertaan pendidikan kewangan dalam kalangan murid, kumpulan ibubapa dan masyarakat sokongan



Strategi Utama 2: Meningkatkan akses orang ramai kepada maklumat, alat kewangan serta sumber berkaitan pengurusan kewangan

- Menjadikan maklumat asas pendidikan kewangan difahami, diperolehi dan diakses dengan mudah oleh semua
- Meningkatkan kesedaran dan mempergiatkan inisiatif pendidikan kewangan melalui kempen mendekati masyarakat di seluruh negara



Strategi Utama 3: Memupuk tabiat kewangan yang positif dalam kalangan kumpulan sasaran

- Menyampaikan pengetahuan kewangan untuk menggalakkan tabiat kewangan yang positif dalam kalangan belia
- Menggalakkan pendidikan kewangan di tempat kerja untuk meningkatkan daya tahan kewangan yang seterusnya akan memberi impak positif terhadap produktiviti pekerja
- Memupuk amalan pengurusan wang secara bijak melalui pendidikan kewangan dalam komuniti
- Melengkapkan individu yang bekerja sendiri dengan pengetahuan kewangan bagi menggalakkan kemapanan sendiri dan perniagaan



Strategi Utama 4: Memperkasa amalan perancangan kewangan jangka panjang dan persaraan

- Menggalakkan penggunaan alat bantu dan panduan kewangan yang inovatif bagi menambah baik perancangan kewangan jangka panjang
- Mewujudkan kesedaran dan mempromosi faedah mendapatkan nasihat profesional tentang perancangan kewangan
- Menggalakkan kepelbagaian dalam pendapatan melalui promosi saluran dan platform untuk simpanan secara sukarela
- Mendidik rakyat Malaysia supaya membuat perancangan kewangan jangka panjang untuk persaraan mereka



Strategi Utama 5: Mengumpul dan melindungi harta

- Meningkatkan pemahaman tentang risiko dan pulangan untuk mengumpul harta
- Meningkatkan kesedaran tentang inovasi produk dan perkhidmatan kewangan serta implikasinya
- Meningkatkan kesedaran tentang skim penipuan kewangan
- Menyedia dan menerbitkan bahan berkaitan produk dan perkhidmatan kewangan yang sofistikated



Strategi Utama 1

Menyemai nilai murni sejak usia muda

Matlamat

- Mendidik murid sekolah tentang pengetahuan dan kemahiran asas kewangan.
- Memupuk nilai kewangan yang baik sebagai asas bagi mewujudkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dari segi kewangan.

Hasil yang Diingini

- Golongan muda di Malaysia memahami dan berupaya mengaplikasi asas pengetahuan kewangan, kemahiran dan nilai yang dipelajari apabila membuat keputusan tentang kewangan.


Pendidikan kewangan hendaklah bermula pada usia muda. Pendidikan kewangan asas perlu diajar kepada murid sekolah untuk menyemai nilai kewangan yang baik dalam kalangan generasi muda. Ini membolehkan murid mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari tentang cara mengendalikan kewangan peribadi dan mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat.

Pendidikan kewangan boleh diterapkan dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Sektor awam dan swasta juga boleh menyumbang dan bekerjasama dalam inisiatif sedemikian,

dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelan Tindakan di bawah Strategi Utama ini bermatlamat untuk mengembang dan memperkukuhkan pendidikan kewangan di sekolah serta menyokong pembangunan keupayaan dan sumber untuk guru. Kumpulan ibu bapa dan masyarakat umum juga digalakkan supaya menyokong pendidikan kewangan kerana mereka memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai yang baik dalam kalangan generasi muda di Malaysia.

¹ Akta Kanak-Kanak 2001 Malaysia mentakrifkan kanak-kanak sebagai individu di bawah umur 18 tahun. Pada 2018, lebih lima juta pelajar sekolah, berumur antara 5 dan 17 tahun, menghadiri pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah kerajaan serta sekolah bantuan kerajaan.





Strategi Utama 2

Meningkatkan akses orang ramai kepada maklumat, alat kewangan serta sumber berkaitan pengurusan kewangan

Matlamat

- Menyediakan maklumat, alat kewangan dan sumber berkaitan pendidikan kewangan yang relevan dan tepat pada masanya kepada rakyat Malaysia melalui pelbagai saluran dan kaedah perhubungan.

Hasil yang Diingini

- Rakyat Malaysia mempunyai kesedaran yang lebih tinggi dalam membuat keputusan kewangan yang berhemat dan mengamalkan tabiat kewangan yang baik.

Kajian menunjukkan bahawa rakyat Malaysia kurang yakin dengan pengetahuan dan kemahiran kewangan mereka. Satu daripada tiga rakyat Malaysia menyatakan bahawa tahap pengetahuan kewangan mereka adalah rendah; manakala satu daripada sepuluh rakyat Malaysia pula merasakan bahawa mereka tidak berdisiplin dalam pengurusan kewangan peribadi.

FEN berhasrat mendidik dan menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengamalkan gaya hidup kewangan yang betul. Maklumat untuk meningkatkan kesedaran kewangan akan disebar dan disampaikan dengan menggunakan mesej yang ringkas dan padat melalui pelbagai saluran, termasuklah media sosial, platform digital serta secara bersemuka. Kesemua kaedah ini digunakan untuk mendekati rakyat Malaysia, seramai mana yang mungkin.

Maklumat penting berkaitan dengan pengurusan kewangan amatlah relevan

untuk menggalakkan tabiat kewangan yang baik dalam kalangan rakyat Malaysia, seperti:

- Pengetahuan mengenai konsep asas kewangan;
- Keupayaan berbelanja mengikut kemampuan;
- Menguruskan perbelanjaan sebenar dan di luar jangka;
- Sentiasa berwaspada daripada terjebak dengan skim penipuan kewangan; dan
- Berupaya mengenal pasti risiko dan manfaat produk dan perkhidmatan kewangan, termasuklah yang ditawarkan melalui platform digital.

Pelan Tindakan bagi Strategi Utama ini akan memanfaatkan kerjasama antara ahli FEN dan pihak berkepentingan lain, termasuklah pelbagai kempen di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran tentang inisiatif pendidikan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

PELAN TINDAKAN

Menjadikan maklumat asas pendidikan kewangan difahami, diperolehi dan diakses dengan mudah oleh semua

Meningkatkan kesedaran dan mempergiatkan inisiatif pendidikan kewangan melalui kempen mendekati masyarakat di seluruh negara



Strategi Utama 3

Memupuk tabiat kewangan yang positif dalam kalangan kumpulan sasaran

Matlamat

- Menangani jurang kelemahan dalam pengurusan kewangan bagi segmen atau kumpulan tertentu dalam kalangan masyarakat.

Hasil yang Diingini

- Memupuk perubahan tingkah laku yang menggalakkan tabiat kewangan yang sihat.
- Memperkasa kumpulan sasaran ini untuk membuat keputusan kewangan yang berhemat dan bertanggungjawab.
- Menjadikan mereka berdaya tahan, menyesuaikan diri dan bersedia dari segi kewangan untuk menghadapi sebarang cabaran dalam kehidupan.

Strategi Utama ini akan menumpukan usaha terhadap segmen masyarakat yang mudah terjejas. Kumpulan sasaran ini termasuklah suri rumah, individu yang bekerja sendiri, graduan muda yang baru menceburi alam pekerjaan dan perlu belajar menguruskan pendapatan mereka. FCI 2018 mendapati bahawa isi rumah berpendapatan rendah cenderung untuk mempunyai tahap literasi kewangan yang lebih rendah.

Penglibatan yang konsisten dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah perlu untuk memupuk sikap kewangan jangka panjang dan perubahan tabiat yang positif. Pelan Tindakan ini termasuklah inisiatif yang menyediakan maklumat, pendidikan dan insentif kepada kumpulan sasaran ini. FEN akan memanfaatkan sektor awam dan swasta serta organisasi bukan kerajaan bagi memupuk tabiat positif yang dapat memperkukuh daya tahan kewangan.

PELAN TINDAKAN

Menyampaikan pengetahuan kewangan untuk menggalakkan tabiat kewangan yang positif dalam kalangan belia

Menggalakkan pendidikan kewangan di tempat kerja untuk meningkatkan daya tahan kewangan yang seterusnya akan memberi impak positif terhadap produktiviti pekerja

Memupuk amalan pengurusan wang secara bijak melalui pendidikan kewangan dalam komuniti

Melengkapkan individu yang bekerja sendiri dengan pengetahuan bagi menggalakkan kemapanan sendiri dan perniagaan



Strategi Utama 4

Memperkasa amalan perancangan kewangan jangka panjang dan persaraan

Matlamat

- Mendidik rakyat Malaysia tentang perancangan kewangan jangka panjang.
- Memperkasa rakyat Malaysia untuk merancang persaraan mereka.

Hasil yang Diingini

- Rakyat Malaysia dapat memupuk tabiat perancangan jangka panjang pada setiap peringkat atau peristiwa dalam hidup yang berbeza, seperti perkahwinan, membina keluarga, mengerjakan haji dan ditimpa musibah atau berlaku kematian.
- Rakyat Malaysia mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan kewangan masa hadapan dan bersara dengan selesa.

Berdasarkan kajian Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2017, jangka hayat di Malaysia adalah kira-kira 74.8 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa perancangan kewangan jangka panjang dalam kalangan rakyat Malaysia perlu diperbaiki supaya mereka dapat mencapai matlamat kewangan jangka sederhana dan jangka panjang, serta mempunyai dana yang mencukupi bagi menghadapi pelbagai peristiwa dalam hidup, termasuklah perkahwinan, membina keluarga dan persaraan.

Dalam merancang kewangan, FCI 2018 mendapati bahawa rakyat Malaysia cenderung untuk menyimpan tanpa matlamat yang jelas dan juga "hidup hanya untuk hari ini". Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk urusan yang melibatkan perbelanjaan yang besar. 8 daripada 10 rakyat Malaysia menyatakan mereka kerap menyimpan wang. Namun simpanan ini biasanya dikeluarkan pada penghujung bulan, menyebabkan mereka gagal mengumpulkan harta. Tanpa matlamat jangka panjang, ramai rakyat Malaysia tidak bersedia untuk menanggung perbelanjaan yang dijangka dan

tidak dijangka seperti kehilangan pendapatan, mengalami masalah kesihatan yang serius atau ditimpa kemalangan.

Di samping itu, ketiadaan perancangan persaraan dalam kalangan mereka yang bekerja di sektor tidak formal amatlah membimbangkan. Meskipun simpanan persaraan sektor swasta dan yang bukan berpencen dikendalikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), namun masih terdapat sejumlah besar rakyat Malaysia yang bekerja dalam sektor tidak formal yang tidak terangkum dalam sebarang skim berpencen mahupun skim persaraan.

Oleh itu, usaha yang lebih bersungguh-sungguh diperlukan untuk memacu perancangan kewangan jangka panjang, persediaan untuk menghadapi peristiwa dalam hidup yang tidak dijangka dan perancangan persaraan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelan Tindakan ini termasuklah penyediaan alat bantu dan panduan kewangan, mempromosi skim persaraan sukarela dan mengambil khidmat nasihat kewangan profesional.

PELAN TINDAKAN

Menggalakkan penggunaan alat bantu dan panduan kewangan yang inovatif bagi menambah baik perancangan kewangan jangka panjang

Mewujudkan kesedaran dan mempromosikan faedah mendapatkan nasihat profesional tentang perancangan kewangan

Menggalakkan kepelbagaian dalam pendapatan melalui promosi saluran dan platform untuk simpanan secara sukarela

Mendidik rakyat Malaysia supaya membuat perancangan kewangan jangka panjang untuk persaraan mereka



Strategi Utama 5

Mengumpul dan melindungi harta

Matlamat

- Membolehkan rakyat Malaysia membuat keputusan kewangan dengan bijak setelah memahami dengan jelas risiko dan manfaat berkaitan pelbagai produk pelaburan.
- Membolehkan rakyat Malaysia mempelbagaikan pelaburan mereka.

Hasil yang Diingini

- Meningkatnya kesedaran dan kefahaman terhadap ciri utama produk dan perkhidmatan kewangan tertentu.
- Membina keyakinan diri untuk membuat keputusan pelaburan yang bijak.

Inovasi kewangan telah meningkatkan peluang untuk membuat simpanan dan pelaburan. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia perlu memahami manfaat dan risiko melabur dalam produk baharu. Mereka juga perlu mengenal pasti produk kewangan yang sesuai berdasarkan tahap risiko yang sanggup diambil serta matlamat pelaburan mereka, dan seterusnya membuat keputusan kewangan yang bijak.

Literasi kewangan juga amatlah penting dalam era digitalisasi, kerana maklumat yang terdapat secara dalam talian boleh mengelirukan dan ada kalanya tidak benar. Seterusnya, dengan meningkatnya populariti produk dan perkhidmatan kewangan baharu seperti perbankan internet dan pembayaran mudah alih, rakyat Malaysia yang celik kewangan berupaya mengesah dan memastikan kesahihan maklumat yang diterima sebelum membuat sebarang keputusan kewangan.

Berdasarkan kaji selidik Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang dijalankan pada 2018, pelabur menganggap bahawa pulangan tahunan sebanyak 12.4% sebagai rendah, 24% sebagai sederhana, manakala 42.9% sebagai tinggi. Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai jangkaan yang tidak realistik terhadap pulangan daripada pelaburan. Jangkaan pulangan yang tidak realistik ini meningkatkan risiko mereka menjadi mangsa skim penipuan dan skim kewangan yang tidak sah.

Dengan memiliki pengetahuan kewangan asas, rakyat Malaysia akan dapat membezakan produk yang sah daripada skim penipuan serta mengetahui pihak yang boleh dirujuk untuk mendapatkan bantuan apabila timbul sebarang keraguan.


PELAN TINDAKAN

Meningkatkan pemahaman tentang risiko dan pulangan untuk mengumpul harta

Meningkatkan kesedaran tentang inovasi produk dan perkhidmatan kewangan serta implikasinya

Meningkatkan kesedaran tentang skim penipuan kewangan

Menyediakan dan menerbitkan bahan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang sophisticated



Bagaimana
Anda Boleh
Menyumbang

Prinsip teras Strategi Kebangsaan ini adalah kerjasama dan kolaborasi antara pelbagai pihak berkepentingan.

Visi dan objektif yang digariskan dalam Strategi Kebangsaan ini menyokong aspirasi negara ke arah masa depan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

FEN mengalu-alukan sokongan dan kerjasama anda sebagai rakan usahasama dalam mencapai visi Strategi Kebangsaan ini melalui usaha literasi kewangan secara kolektif. Untuk berkongsi bagaimana anda boleh menyumbang ke arah pelaksanaan Strategi Kebangsaan ini, anda boleh menghubungi kami melalui emel di info@fenetwork.my.

Anda boleh boleh menyertai atau menyumbang dalam bidang berikut:

Inisiatif	Butiran
<p>Dasar literasi kewangan</p> 	<p>Untuk memudahkan penggubalan dasar literasi kewangan yang bersesuaian, orang ramai, sektor awam dan swasta digalakkan untuk memberi maklum balas serta komen terhadap Strategi Kebangsaan dan pelaksanaannya.</p>
<p>Rakan usahasama pelaksanaan</p> 	<p>Institusi dan pakar kewangan boleh bekerjasama dengan pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan (NGO) serta komuniti untuk membawa program pendidikan kewangan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Perkongsian ini akan memperluaskan capaian inisiatif Strategi Kebangsaan.</p>
<p>Membangunkan bahan dan alat bantu literasi kewangan</p> 	<p>Untuk membantu meningkatkan kesedaran kewangan, sektor awam dan swasta serta ahli akademik boleh berkolaborasi dalam membangunkan bahan dan alat bantu yang diperlukan untuk menyokong dan menyumbang ke arah meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia.</p>
<p>Capaian dan Komunikasi</p> 	<p>Orang ramai, sektor awam dan swasta boleh membantu mempromosi dan mewujudkan kesedaran mengenai Strategi Kebangsaan dan objektif yang ingin dicapai melalui penggunaan pelbagai platform komunikasi. Pihak berpengaruh media sosial juga boleh memberikan impak yang besar dengan menyebarkan kesedaran mengenai Strategi Kebangsaan dan mempromosikan kepentingan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.</p>

Kenali Kami





FEN FINANCIAL
EDUCATION
NETWORK

Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) merupakan satu platform antara agensi yang terdiri daripada institusi dan agensi yang komited untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia. FEN memanfaatkan sumber dan kepakaran ahlinya untuk bekerjasama, menyelaras dan secara kolektif memacu usaha mempromosi pelaksanaan inisiatif

pendidikan kewangan yang berkesan kepada rakyat Malaysia. FEN akan bekerjasama dengan agensi kerajaan, persatuan industri, institusi, kumpulan pengguna yang berkaitan dan pihak berkepentingan utama yang lain untuk melaksanakan, memantau dan mengukur inisiatif pendidikan kewangan di bawah Strategi Kebangsaan.

FEN mengamalkan kerangka kerja tadbir urus dua peringkat untuk memacu inisiatif Strategi Kebangsaan:

Jawatankuasa Pemandu Antara Agensi Peringkat Tinggi atau *High Level Inter-Agency Steering Committee* (HLSC) bagi menyediakan hala tuju strategik dan memantau penggubalan dan pelaksanaan Strategi Kebangsaan.

Kumpulan Peringkat Kerja, jawatankuasa kecil yang memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan untuk setiap Strategi Utama dan melaporkan perkembangan dan hasil pelaksanaan kepada HLSC.

Inisiatif Semasa FEN



Organisasi	Inisiatif Pendidikan Kewangan	Butiran
Kementerian Pendidikan Malaysia	Pengintegrasian elemen pendidikan kewangan dalam kurikulum	Pengintegrasian elemen pendidikan kewangan dalam beberapa mata pelajaran secara langsung atau tidak langsung. Antara mata pelajaran yang mengaplikasi elemen pendidikan kewangan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan KSSR (Semakan 2017) ialah mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Moral. Manakala mata pelajaran pada peringkat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula ialah Ekonomi, Perniagaan, Prinsip Perakaunan, Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains Rumah Tangga, Pertanian dan mata pelajaran lain. Pengintegrasian elemen literasi kewangan dilaksanakan menurut tema atau bidang pembelajaran yang bersesuaian.
Bank Negara Malaysia	 Karnival Kewangan	Karnival Kewangan merupakan pusat “ <i>edutainment</i> ” setempat untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai perkara berkaitan kewangan, meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat serta menawarkan produk kewangan kepada para pengguna. Karnival Kewangan merupakan inisiatif kerjasama melalui perkongsian Awam-Swasta yang bertujuan untuk menjangkau lebih banyak pengguna kewangan di seluruh negara.
	Program <i>Train-the-Trainers (TTT)</i> untuk agensi Kerajaan	Program <i>Train-the-Trainers (TTT)</i> merupakan inisiatif untuk melatih dan meningkatkan keupayaan kaunselor agensi kerajaan bagi menjalankan sesi pendidikan kewangan di agensi mereka. Program ini juga menyediakan program intervensi untuk menyemai sikap pengurusan kewangan yang berhemat dalam kalangan pegawai kerajaan.
	Modul Pendidikan Kewangan Peribadi yang ditawarkan melalui platform pembelajaran dalam talian E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA®)	Modul Pendidikan Kewangan Peribadi merupakan modul pembelajaran dalam talian yang baru dilancarkan kepada semua penjawat awam di Malaysia. Inisiatif ini sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk mempromosikan penggunaan pembelajaran dalam talian kepada penjawat awam sejajar dengan usaha memupuk pembelajaran berterusan sepanjang hidup mereka.
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	 A Securities Commission Malaysia Initiative	InvestSmart® adalah merupakan inisiatif pendidikan pelabur SC yang bermatlamat untuk mewujudkan pelabur yang lebih bermaklumat supaya mereka lebih yakin dan berupaya membuat keputusan pelaburan dengan lebih bijak. Sejak dilancarkan pada tahun 2014, InvestSmart® telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara aktif untuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia, mendidik mereka tentang topik berkaitan pelaburan. Inisiatif InvestSmart® termasuklah acara tahunan utama pendidikan pelaburnya iaitu <i>InvestSmart® Fest</i> , Bersama InvestSmart® @ Borneo, SC Bersama Komuniti, seminar, laman sesawang dan aplikasi mudah alih InvestSmart®, permainan pendidikan dalam talian <i>Jump2Invest</i> dan platform media sosial termasuk Facebook, Instagram dan Twitter.

Organisasi	Inisiatif Pendidikan Kewangan	Butiran
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Belanjawanku	Panduan perbelanjaan yang menunjukkan anggaran perbelanjaan bulanan minimum bagi setiap kategori barangan dan perkhidmatan untuk pelbagai isi rumah di Malaysia. Belanjawanku boleh digunakan untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga bagi mencapai taraf hidup yang baik.
	Khidmat Nasihat Persaraan	Khidmat Nasihat Persaraan menyediakan nasihat kewangan peribadi terutamanya bagi perancangan persaraan untuk orang awam. Perkhidmatan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan memberikan panduan kepada rakyat Malaysia cara merancang persaraan mereka dan memahami pilihan yang ada untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka.
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia	Program Penglibatan Awam PIDM	Program jangkauan yang bertujuan memberikan pendidikan kewangan dan kesedaran awam tentang PIDM kepada masyarakat di pelbagai lokasi.
	Taklimat PIDM	Siri sesi taklimat awam untuk meningkatkan kesedaran tentang sistem perlindungan konsumer kewangan PIDM kepada segmen sasaran yang berlainan, seperti para belia, pesara dan golongan bekerja.
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	Program Pendidikan Kewangan Awam	AKPK menyediakan pelbagai program awam sepanjang tahun yang menyasarkan pelbagai segmen masyarakat seperti para belia, wanita, usahawan dan kumpulan masyarakat lain yang berkaitan. Program ini bertujuan memberikan satu set pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan seseorang individu membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan berkesan yang berkaitan dengan sumber kewangannya.
	Portal Pembelajaran Dalam Talian AKPK (learn.akpk.org.my)	Portal AKPK iaitu learn.akpk.org.my dibangunkan untuk menyediakan program pendidikan kewangan secara dalam talian. Portal ini menyediakan platform pembelajaran rakan kepada rakan yang menggalakkan interaksi sosial (peserta boleh mengikuti forum perbincangan mengikut modul) lantas menjadikan pembelajaran sebegini menyeronokkan, menarik dan berkesan.
	Program Solusi Kewangan yang Direka Khusus – (Program Kesejahteraan Pekerja)	Program solusi kewangan yang direka khusus ini adalah mengikut penilaian yang dibuat dalam kalangan pekerja organisasi untuk mengenal pasti isu kewangan yang perlu ditangani agar produktiviti di tempat kerja dapat dipertingkatkan. Isu kewangan yang berbangkit akan dikendalikan melalui pendidikan kewangan, kaunseling dan juga program pengurusan kredit.

Organisasi	Inisiatif Pendidikan Kewangan	Butiran
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	Simposium Literasi Kewangan AKPK	Simposium ini merupakan salah satu usaha AKPK untuk menggalakkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Acara penting dalam simposium ini ialah pembentangan hasil kaji selidik AKPK terhadap rakyat Malaysia, diikuti oleh forum dan pembentangan kajian yang berkaitan. Simposium ini diadakan dua tahun sekali.
	Literasi Perusahaan Sosial bagi Belia atau SELFY (Social Enterprise Literacy for Youth)	Program SELFY yang diadakan setiap tahun membabitkan para pelajar di institut pengajian tinggi merupakan satu kaedah pembelajaran yang memberikan pengalaman positif terhadap wang dan perubahan sosial. Para pelajar diberikan pendidikan kewangan dan seterusnya modal asas untuk memulakan satu perusahaan. SELFY berkonsepkan Jana, Urus, Simpan dan Beri.
Permodalan Nasional Berhad	Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM)	MSAM merupakan aktiviti tahunan yang mula dilancarkan pada tahun 2000 dengan matlamat untuk mendidik orang awam mengenai pelaburan dalam unit amanah, konsep risiko dan pulangan serta perancangan kewangan. Di samping itu, MSAM bertujuan untuk mendidik pelabur tentang di mana wang mereka dilaburkan oleh PNB.
	Seminar Pelaburan 360	Seminar harian yang dijalankan oleh perancang kewangan bertauliah ASNB di pelbagai lokasi kepada segenap lapisan masyarakat mengenai konsep perancangan kewangan.
	Kelab Pelaburan Bijak	Bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan murid sekolah menengah. Pada masa ini, 155 buah sekolah telah dipilih untuk menyertai Kelab Pelaburan Bijak PNB.
	Kuiz Pelaburan PNB	Pertandingan kuiz pelbagai kategori berkisarkan pelaburan, perancangan kewangan, unit amanah dan konsep risiko dan pulangan.
	Fiesta Labor PNB	Merupakan program pelaburan tahunan anjuran ASNB berdasarkan konsep mendidik sambil berhibur. Melalui Fiesta Labor, orang ramai mendapat pengetahuan mengenai pelaburan dan perancangan kewangan menerusi cara pembelajaran interaktif dan menyeronokkan. Acara ini menyediakan pelbagai aktiviti dan hiburan untuk seluruh anggota keluarga yang mendidik dan mewujudkan kesedaran tentang kepentingan perancangan kewangan dalam kehidupan seharian mereka.

Ahli FEN

Pengerusi
Bersama dan
Sekretariat
Bersama



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Ahli Lain



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



AKPK
Agensi Kaunseling dan
Pengurusan Kredit



**KWSP
EPF**



PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Protecting Your Insurance And Deposits In Malaysia

PNB

Permodalan Nasional Berhad

Hubungi Kami

Financial Education Network

✉ info@fenetwork.my

Bank Negara Malaysia

📍 Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

☎ 1300-88-5465 (BNMTELELINK)
+603-2698 8044 (Talian Am)

✉ bnmtelelink@bnm.gov.my

🌐 <http://www.bnm.gov.my>

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

📍 Bangunan KWSP
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

☎ +603-8922 6000

✉ cad@epf.gov.my

🌐 <http://www.kwsp.gov.my>

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

📍 Tingkat 14, Menara TH Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

☎ +603-2616 7766

✉ fed@akpk.org.my

🌐 <https://www.akpk.org.my>

Kementerian Pendidikan Malaysia

📍 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

☎ +603-8870 6000

✉ kpkpm@moe.gov.my

🌐 <https://www.moe.gov.my>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

📍 3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur

☎ +603-6204 8999/8000

✉ investsmartsc@seccom.com.my

🌐 <https://www.sc.com.my>

<https://www.investsmartsc.my>

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

📍 Tingkat 12, Menara Axiata
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

☎ +603-2173 7436 / 2265 6565
Talian Bebas Tol: 1-800-88-1266

✉ info@pidm.gov.my

🌐 <https://www.pidm.gov.my>


Permodalan Nasional Berhad

📍 Tingkat 4, Menara PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

☎ +603-7730 8899

✉ asnbcare@pnb.com.my

🌐 <http://www.asnb.com.my>



info@fenetwork.my